

# UMS Speakers Corner semai pemikiran kritis

NSF 29.12.2018 2

KOTA KINABALU: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Pusat Pengajian Pascasiswazah (PPPS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama-sama dengan Persatuan Pelajar Pascasiswazah UMS serta wakil-wakil pelajar pascasiswazah dari lapan buah fakulti buat julung kalinya menayakan sesi UMS Speakers Corner pelajar-pelajar pascasiswazah di Ruang Legar PPPS baru-baru ini.

Menurut Timbalan Dekan Kebajikan Pelajar PPPS, Dr. Jakaria Dasan, program tersebut diadakan sebagai menyahut kepada saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mewujudkan satu ruang terbuka kepada para pelajar di universiti mengutarakan pendapat mereka ke atas apa-apa isu berbangkit yang boleh memperkemaskan lagi pentadbiran pelajar di universiti, khususnya yang melibatkan hal-ehwal pelajar pascasiswazah.

“Diskusi terbuka yang dianjurkan bersama dengan PPPS ini bukan semata-mata bertujuan untuk



BERSAMA .... Dr Jakaria (duduk kiri) bergambar bersama para peserta UMS Speaker Corner.

mengumpul pandangan, komentar dan cadangan daripada pelajar pascasiswazah UMS tetapi juga untuk membudayakan satu sesi interaktif dua hala yang terbuka di antara pelajar dan pentadbir di universiti.

“Platform Speakers Corner ini mampu menjelaskan dengan lebih tepat dan telus mengenai urusan pengajian pascasiswazah di

UMS,” katanya.

Terdahulu, wakil MPP Pascasiswazah, Janipal Ali-pal ketika memengerusikan program tersebut menjelaskan bahawa pelaksanaan Speaker Corner ini adalah rentetan kepada inisiatif KPM itu sendiri berhubung dengan penambahan kepada AUKU dalam perihal kebebasan menyuarakan penda-

pat yakni ‘menganjurkan perhimpunan’ yang melibatkan lebih daripada lima orang dalam Seksyen 9(1) Bahagian ke-2 Tatatertib Am Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999, P.U.(A) 210 AUKU 1971.

“Speaker Corner ini adalah medium interaksi antara mahasiswa yang

bersifat mempermudah, justeru segala isu yang diajukan oleh wakil-wakil pelajar pascasiswazah akan dicatat oleh MPP Pasca dan dikemukakan secara bertulis kepada pihak pengurusan yang berkenaan.

“Bagi isu-isu yang berkaitan dengan PPPS pula akan diberi maklum balas secara langsung oleh dua orang wakil pengurusan

PPPS yang menjadi panel kali ini,” katanya.

Seramai 24 orang pelajar yang mewakili rakan-rakan mereka di lapan Fakulti berpeluang mengajukan dan sekali gus membahaskan beberapa isu yang memerlukan perhatian pihak pentadbir universiti.

Turut hadir Timbalan Pendaftar PPPS, Sirahim Abdullah.